

Mesyuarat GC SIAP bahas isu statistik

FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID

Turut fokus laporan pencapaian tahunan dan pelan strategik menjelang 2025-2029

Oleh AISYAH BASARUDDIN
 KUALA LUMPUR

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Kementerian Ekonomi mengadakan mesyuarat *Governing Council of the Statistical Institute for Asia and Pacific* (GC SIAP) ke-19 bermula 13 hingga 15 Disember ini.

Ketua Perangkaan DOSM, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, mesyuarat itu diadakan bertujuan membahaskan isu berkenaan statistik, laporan pencapaian tahunan dan pelan strategik menjelang 2025-2029.

Tambah Mohd Uzir, ia turut diselitkan dengan seminar pengurusan ke-18 buat kesemua ke-

tua delegasi Pejabat Statistik Negara (NSO) dari negara anggota Asia dan Pasifik untuk bertukar pandangan serta perkongsian pengalaman menerusi satu sesi dialog forum.

"Penglibatan DOSM sebagai ahli GC SIAP cukup bermakna dalam menunjukkan komitmen Malaysia di peringkat antara-bangsa dengan berkongsi ilmu dan perangkakan terbaik kepada seluruh komuniti statistik serantau.

"Negara ini mempunyai platform luas untuk menyampaikan ilmu dan kepakaran dalam proses yang mampan dengan kerjasama antarabangsa melalui Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM).

"Malaysia akan terus bekerjasama dengan rakan strategik ini untuk meningkatkan program pembangunan kapasiti dalam penghasilan statistik yang berkualiti dan tersedia, terutamanya bagi melaksanakan Agenda Pembangunan Mampan 2030," katanya.

Beliau berkata demikian se-



Mohd Uzir (duduk, tujuh dari kiri) dan Nor Azmie (duduk, tujuh dari kanan) bergambar bersama delegasi GC SIAP di Kuala Lumpur pada Rabu.

masa menyampaikan ucapan utama ketika sesi pembukaan GC SIAP ke-19 di sebuah hotel di sini pada Rabu.

Mesyuarat tahunan GC SIAP memainkan peranan penting dalam menilai tadbir urus, status kewangan dan inisiatif program, selari dengan pelan strategik United Nations (UN) SIAP 2021-2025.

Hadir sama ialah Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmie Diron; Pengarah UN SIAP, Dr Shailja Sharma dan Pengarah Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu untuk Asia dan Pasifik (UNESCAP) Bahagian Statistik, Rachel Beaven bersama Setiausaha Eksekutifnya, Armida Salsiah Alisjahbana serta delega-

si dari 32 negara anggota Asia Pasifik.

Sementara itu, Nor Azmie memaklumkan, antara isu yang bakal diketengahkan adalah mengenai sejauh mana data dan statistik mampu menepati usaha UN untuk mencapai indikator Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Kebangsaan sepertimana diinginkan pihak tersebut.